

PERSEPSI PELAJAR UITM MELAKA TERHADAP PROGRAM JAULAH [©]ARABIYYAH BAGI MENINGKATKAN KEYAKINAN DALAM KOMUNIKASI BAHASA ARAB

*(THE STUDENTS' PERCEPTION OF THE JAULAH ARABIYYAH PROGRAM
TO INCREASE CONFIDENCE IN ARABIC LANGUAGE COMMUNICATION)*

Anuar bin Sopian (Dr)
anuarsopian@gmail.com
UiTM Melaka

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar selepas mengikuti program Jaulah [©]Arabiyyah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik bagi mengumpul data kuantitatif. Responden terdiri daripada 70 orang pelajar yang mengikuti Program Jaulah [©]Arabiyyah yang diadakan di Taman Seribu Bunga Ayer Keroh Melaka pada 11 Februari 2017 yang lalu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Program ini memberi kesan positif kepada pelajar melalui peningkatan minat dan motivasi mereka terhadap kod kursus bahasa Arab TAC101 dan TAC151. Min yang direkodkan adalah sebanyak 4.21 yang menunjukkan pelajar sangat bersetuju bahawa aktiviti yang dijalankan dapat membantu menyelesaikan permasalahan pembelajaran bahasa Arab yang dihadapi oleh mereka.

Kata Kunci : Persepsi, Program, Keyakinan, Komunikasi, Bahasa Arab

Abstract:

This study was aimed to identify students' perceptions after participating in the *Jaulah Arabiyyah* program. This study was conducted using a questionnaire to collect quantitative data. Respondents comprised of 70 students who participated in *Jaulah Arabiyyah*. Program held at Taman Seribu Bunga Ayer Keroh Melaka on 11 February 2017 ago. The findings show that the program has a positive impact on students through increased interest and motivation towards Arabic language codes TAC101 and TAC151. The min recorded were 4.21 which showed students strongly agree that the activities conducted can help solve the problems of Arabic language learning faced by them.

Keywords: Perception, Program, Confidence, Communication, Arabic Language

2017 GBSE Journal

1.0 PENDAHULUAN

Kemahiran bertutur ialah salah satu daripada kemahiran berbahasa. Penguasaan kemahiran ini adalah satu aspek penting yang menentukan kejayaan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Ia berperanan sebagai penanda aras (*benchmark*) kejayaan penguasaan sesuatu bahasa. Bagi mencapai tujuan itu kelab bahasa Arab UiTM Melaka telah mengadakan program *Jaulah al-Arabiyyah ilā Hadīqah Alfi Zahrin* yang telah dilaksanakan sebanyak 2 semester berturut-turut di Taman Seribu Bunga Ayer Keroh Melaka. Program ini mendapat sambutan serta impak yang baik daripada para peserta. Rasional pelaksanaannya adalah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang kepentingan bertutur bahasa Arab. Pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab di UiTM ini mempunyai latar belakang yang berbeza-beza. Oleh sebab itu sebahagian mereka berpendapat bahawa bahasa ini sukar untuk dikuasai hingga ada dalam kalangan mereka yang menarik diri dari terus untuk mempelajari bahasa ini. Program ini wajar dilaksanakan untuk memberi peluang kepada pelajar yang lemah agar mampu menguasai bahasa Arab. Pengisian program ini terdiri daripada pelbagai permainan bahasa seperti “*Ihlam ma'ana*”(mari bermimpi bersama kami), “*Said al-Kunūz*” (mencari harta karun), *al-Suāl al Jāri*”(pertanyaan berterusan) dan lain-lain. Para pelajar akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil yang dipermudahcarakan oleh seorang fasilitator yang terdiri daripada pensyarah bahasa Arab.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pengajaran bahasa dibahagikan kepada empat kemahiran utama, kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Bailey (2005) mengatakan ramai yang mempelajari sesuatu bahasa merasakan kemahiran bertutur dalam bahasa yang dipelajari mereka lebih sukar berbanding kemahiran-kemahiran lain. Kesulitan ini disebabkan pertuturan berlaku dalam masa yang sebenar (*real time*). Apabila seseorang bertutur, penutur tidak boleh menyunting atau mengulang balik apa yang dituturkan. Ini adalah berbeza dengan penulisan yang boleh disunting dan dapat diulang kembali.

Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam mencapai objektif juga sangat penting kerana ia adalah satu proses yang sifatnya hidup dan sentiasa menerima perubahan dari masa ke semasa mengikut keperluan manusia. Pendekatan yang diamalkan oleh para tenaga pengajar atau pensyarah sudah pasti berbeza mengikut mata pelajaran, objektif P&P, falsafah, kehendak dan tuntutan sesuatu institusi. Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah meletakkan bahasa Arab sebagai salah satu kursus keperluan universiti, sebaris dengan bahasa-bahasa asing yang lain. Para pelajar Ijazah Sarjana Muda di UiTM perlu memilih salah satu bahasa ketiga yang ditawarkan dan mengikutinya selama tiga semester. Kursus ini diperuntukkan sebanyak dua jam kredit yang menyamai dua jam temu seminggu pada setiap semester. Selama tiga semester, para pelajar mengikuti kelas bahasa ketiga sebanyak enam jam kredit bersamaan dengan 84 jam temu, iaitu 28 jam temu bagi setiap semester. Manakala bagi pelajar diploma pula, terdapat sedikit perbezaan, para pelajar yang mengikuti kursus Diploma Pengajian perniagaan, jika mereka memilih bahasa Arab, mereka perlu mempelajarinya selama dua semester. Kursus ini memperuntukkan sebanyak empat jam kredit menyamai empat jam seminggu pada setiap semester. Manakala pelajar yang mengikuti kursus Diploma Perhotelan dan Pelancongan pula, jika mereka memilih bahasa Arab, mereka perlu mempelajarinya selama empat semester. Kursus ini juga

memperuntukkan sebanyak empat jam kredit menyamai empat jam seminggu pada setiap semester (*The Academic Affairs Division*, 2009)

Objektif pengajaran bahasa Arab adalah agar para pelajar dapat menguasai empat kemahiran bahasa iatu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran bertutur merupakan penguasaan tahap yang paling tinggi kerana ia merupakan penguasaan dalam pembentukan ayat (Asmah, 1989:61). Kemuncak keupayaan berbahasa itu terletak kepada kebolehan membentuk ayat-ayat yang unggul dan sempurna mengikut tatabahasa (Chomsky, 1965). Kemahiran komunikasi bukan sahaja terletak pada keupayaan membentuk ayat secara gramatik, tetapi berupaya menggunakan bahasa itu dalam konteks sosial, wacana dan strategi dengan betul (Ta'imah 2001: 174). Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa para pelajar yang mengambil mata pelajaran ini kebanyakannya belum dapat bertutur dalam bahasa ini. Ab. Halim (2005) dalam kajiannya terhadap 30 orang pelajar semester 4 dan 6 jurusan Bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati majoritinya tidak dapat memahami ayat Arab dengan baik. Ini dapat dilihat melalui hasil penterjemahan mereka terhadap struktur ayat Arab yang mengandungi *al-maf'ūl al-mutlaq* (objek mutlak), *al-maf'ūl al-fīh* (keterangan masa dan tempat), *al-hāl* (perihal keadaan), *al-maf'ūl li'ajlih* (keterangan sebab), *al-tamyīz* (penjelasan), *al-istithnā'* (pengecualian), *al-na'at* (sifat), *al-tanāzu'* (perebutan), dan imbuhan kata kerja. Kelemahan pelajar bukan Arab berkomunikasi dalam bahasa Arab merupakan perkara biasa. Hal ini kerana pelajar-pelajar Arab sendiri pun dikatakan lemah dalam bahasa Arab, terutamanya dari segi pembacaan dan penulisan.

Bagi mengatasi masalah ini, Wan Azura Wan Ahmad (2007) mengkaji peranan aktiviti ko-kurikulum bahasa Arab seperti Kem Bahasa, Bulan Bahasa, Minggu Bahasa dan program Mentor-mentee dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kajian ini menggunakan borang soal selidik, ujian pra dan pasca dan temu bual. Dapatan kajian mendapati bahawa aktiviti ko-kurikulum bahasa Arab memainkan peranan yang amat penting dalam meningkatkan penguasaan pelajar dalam bahasa Arab. Namun begitu, kajian itu juga mendedahkan kegagalan beberapa program bahasa memenuhi objektif program kerana beban yang berlebihan daripada aktiviti yang dirancang. Selain itu Zawawi Ismail (2011) telah mendapati bahawa aktiviti perkhemahan yang dijalankan dalam bahasa Arab boleh memberi sumbangan dalam penguasaan bahasa pelajar. Fasilitator perlu memainkan peranan yang penting dalam membekalkan bahasa kepada pelajar untuk menjayakan aktiviti tersebut. Aktiviti program juga turut dipelbagaikan bagi menarik minat pelajar menyertai dan memberi kesan bahasa yang efektif. Permainan bahasa juga hendaklah dipelbagaikan supaya dapat membantu pelajar dalam penguasaan bahasa seperti aktiviti padang yang menyeronokkan. Perkhemahan bahasa ini akan dapat mendedahkan kepada pelajar perkataan dan laras bahasa yang digunakan dalam situasi harian pelajar. Penggunaan bahasa Arab yang banyak dalam menjayakan aktiviti perkhemahan ini boleh membantu pelajar menguasai bahasa Arab dengan baik dan mereka akan dapat menggunakannya dalam situasi kehidupan seharian

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini memfokuskan pencapaian dua objektif utama iaitu:

3.1 Mengenalpasti persepsi pelajar tentang program *Jaulah Arabiyyah* yang telah dijalankan di Taman Seribu Bunga Ayer Keroh Melaka

3.2 Meninjau dan seterusnya memperbaiki kelemahan perjalanan program.

4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini sangat penting untuk merealisasikan objektif di atas, mengenalpasti kebaikan dan kelemahan pelaksanaan program *jaulah Arabiyyah* ini. Seterusnya penyelidik akan memperbaiki kelemahan yang ada daripada aspek pelaksanaan dan modul yang digunakan untuk memastikan hasil program ini sentiasa memberikan impak yang tinggi kepada para pelajar. Oleh yang demikian di diharapkan agar program ini dari semasa ke semasa dapat membantu dan meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar dan minat mereka untuk mempelajari bahasa Arab komunikasi di UiTM Melaka.

5.0 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini adalah para pelajar diploma yang mengambil subjek bahasa Arab Kod TAC101 dan TAC151. Para pelajar mengikuti program *Jaulah 'Arabiyyah Ilā Hadīqah Alfi Zahrin* di Taman Seribu Bunga Ayer Keroh Melaka.

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian dijalankan terhadap 70 orang pelajar diploma yang mengikuti kursus bahasa Arab di UiTM Melaka. Sebanyak 70 borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab. Daripada jumlah soal selidik yang diedar, kesemua borang soal selidik telah dipulangkan. Instrumen dalam kajian ini diukur berdasarkan skala likert yang meletakkan lima tahap pilihan iaitu:

JAWAPAN	SKOR
Sangat Negatif	1
Negatif	2
Netural	3
Positif	4
Amat Positif	5

Untuk memudahkan proses menganalisis data atau dapatan, penyelidik membuat pengkelasan skor min untuk menilai sejauh mana tahap min yang dijawab oleh responden terhadap borang soal selidik penyelidik. Berikut merupakan jadual pengkelasan skor min penyelidik:

SKOR MIN	TAHAP
1.00-2.39	Rendah
2.40-3.79	Sederhana
3.80-5.00	Tinggi

7.0 PROGRAM JAULAH AL-ARABIYYAH ILĀ HADĪQAH ALFI ZHRIN

Program Pemantapan Komunikasi Bahasa Arab atau Program *Jaulah Al-Arabiyyah Ilā Hadīqah Alfi Zahrin* yang bermaksud perjalanan berbahasa Arab ke Taman seribu Bunga. Taman ini terletak di Ayer Keroh Melaka. Program ini merupakan salah satu alternatif pembelajaran bahasa Arab di luar kelas yang bertujuan untuk mewujudkan suasana

pembelajaran yang berbeza dengan situasi di dalam kelas. Ini bertujuan untuk menarik minat dan meningkatkan motivasi pelajar mempelajari bahasa Arab. Disebabkan kekangan bajet dan masa, berikut adalah dua aktiviti yang dijalankan:

7.1 *Ṣayd al-Kunūz*

Pelaksanaan aktiviti ini adalah sama seperti aktiviti *Treasure Hunt* yang dijalankan oleh mana-mana pihak, tetapi perbezaan yang ketara ialah dari segi implementasi bahasa Arab. Setiap sub-aktiviti menggunakan bahasa Arab sepenuhnya, para peserta diminta melakukan pelbagai sub-aktiviti mengikut arahan yang telah ditetapkan. Bagi merealisasikan segala bentuk arahan tersebut, setiap individu dalam kumpulan mestilah berperanan sepenuhnya supaya mereka dapat memahami arahan dengan tepat dan betul seterusnya berjaya melaksanakan arahan tersebut. Para peserta diwajibkan berbincang dan berkomunikasi menggunakan bahasa Arab, mereka diminta membawa kamus bahasa Arab dan segala pergerakan mereka di setiap *mawqif* (*chek-point*) akan diawasi oleh fasilitator. Fasilitator juga berperanan membimbing dan membantu mana-mana kumpulan yang menghadapi masalah.

7.2 *al-Su'āl al-Jāri*

al-Su'āl al-jāri ialah satu bentuk aktiviti melatih peserta menggunakan kata tanya (*al-adāwāt al-Istifhām*). Aktiviti ini dilaksanakan secara berpasangan, iaitu mereka diminta bertanya kepada pasangan masing-masing dengan pantas dan lancar dengan menggunakan *al-adāwāt al-Istifhām*, soalan-soalan yang diajukan oleh kedua-dua peserta adalah secara serentak dan jika salah seorang peserta tersebut tersekat-sekat atau tidak mampu meneruskan pertanyaan, maka ia dikira gagal. Pada pusingan seterusnya para pemenang dalam pusingan pertama akan bertemu dan bertanding dalam pusingan kedua, begitulah seterusnya sehingga ke akhir pusingan yang akan menyaksikan hanya seorang sahaja sebagai juara. Seterusnya juara bagi setiap kumpulan akan bertemu dengan juara dari kumpulan yang lain. Para peserta hanya diminta menyoal atau bertanya sahaja, tanpa perlu menjawab soalan dari pihak lawan. Aktiviti ini adalah bertujuan melatih peserta atau pelajar agar mampu menggunakan *al-adāwāt al-Istifhām* dengan lancar.

8.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan instrumen soalan soal selidik ke atas 25 orang pelajar lelaki dan 45 orang pelajar perempuan yang telah mengikuti program pementapan komunikasi bahasa Arab atau Program *Jaulah Al-Arabiyyah Ilā Hadīqah Alfi Zahrin* yang bermaksud perjalanan berbahasa Arab ke Taman seribu Bunga. Taman ini terletak di Ayer Keroh Melaka. Berikut adalah jadual min persepsi pelajar terhadap program ini mengikut item:

No	Item	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
1	Saya berasa seronok menyertai aktiviti <i>Jaulah</i> bahasa Arab	70	3.00	5.00	4.38	.66579
2	Penggunaan bahasa Arab saya meningkat apabila saya	70	3.00	5.00	4.37	.68176

	menyertai <i>Jaulah</i> bahasa Arab ini.					
3	Saya tidak menghadapi masalah semasa mengikuti <i>Jaulah</i> bahasa Arab ini	70	2.00	5.00	4.21	.99116
4	Bahan bahan dan aktiviti aktiviti yang dijalankan dalam program ini dapat meningkatkan penguasaan bahasa Arab saya.	70	3.00	5.00	4.22	.70549
5	<i>Jaulah</i> bahasa Arab dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan saya untuk bertutur dalam bahasa Arab.	70	3.00	5.00	4.35	.68176
6	Saya merasakan program <i>Jaulah</i> bahasa Arab ini sangat penting kepada pelajar	70	3.00	5.00	4.34	.63442
7	Program <i>Jaulah</i> bahasa Arab mampu membantu saya untuk bertutur dalam bahasa Arab dengan lebih baik.	70	3.00	5.00	4.12	.84992
8	Program <i>Jaulah</i> bahasa Arab dapat membantu saya memahami teks bahasa Arab dengan baik	70	3.00	5.00	4.08	.60775
9	Saya merasakan masa yang diperuntukkan untuk program <i>Jaulah</i> bahasa Arab ini tidak mencukupi/memadai.	70	3.00	5.00	3.95	.84159
10	Aktiviti aktiviti yang dijalankan meningkatkan minat saya untuk` mempelajari bahasa Arab dengan lebih tinggi lagi.	70	3.00	5.00	4.25	.69545
11	Perbendaharaan kata bahasa Arab saya bertambah apabila saya menyertai <i>Jaulah</i> bahasa Arab.	70	3.00	5.00	4.27	.67933
12	Aktiviti <i>Sayd al-Kunuz</i> dan <i>al-Su'al al-Jari</i> mencabar minda saya.	70	3.00	5.00	4.28	.70491
13	Saya dapat berkongsi pengetahuan dan kemahiran bahasa Arab dalam aktiviti berkumpulan	70	4.00	5.00	4.38	.49028
14	Keyakinan saya untuk mengajukan soalan meningkat setelah mengikuti <i>Jaulah</i> bahasa Arab	70	3.00	5.00	3.98	.75167

15	Aktiviti dalam bengkel membantu saya menyelesaikan masalah pembelajaran bahasa Arab saya	70	3.00	5.00	3.94	.81447
MIN KESELURUHAN						4.21

Min yang tinggi dicatatkan untuk setiap item menunjukkan bahawa para pelajar yang mengikuti Program *Jaulah Al-Arabiyyah Ilā Hadīqah Alfi Zahrin* berminat dengan program ini. Min keseluruhan sebanyak 4.21 menunjukkan persepsi pelajar sangat baik terhadap pelaksanaan program pemantapan komunikasi bahasa Arab siri *Jaulah Al-Arabiyyah Ilā Hadīqah Alfi Zahrin* yang telah dilaksanakan. Selain itu program ini juga dapat meningkatkan keyakinan diri mereka dalam bertutur Bahasa Arab. Pembinaan keyakinan diri dalam pembelajaran bahasa kedua adalah satu aspek penting untuk mempertingkatkan motivasi dan merangsang para pelajar untuk menggunakan bahasa tersebut dalam kehidupan mereka. Pensyarah dalam pengajarannya bukan sahaja berperanan melatih pelajar berbahasa tetapi membina keyakinan pelajar dalam masa yang sama (Wan Azura et al., 2007). Keyakinan diri pada seorang pelajar bahasa menghasilkan motivasi dan menjadikan dirinya bersikap positif dalam aktiviti pembelajaran bahasa. Atsuta (2003) mengatakan bahawa keyakinan diri sendiri menjadi faktor penting dalam proses menyempurnakan sesuatu tugas bahasa. Richard-Amato (2003) juga menyokong pandangan ini dengan mengatakan bahawa kekurangan dalam keyakinan diri akan menyukarkan seseorang untuk menguasai sesuatu bahasa yang dipelajarinya.

Secara umumnya, pelaksanaan program ini boleh dianggap berjaya kerana memperlihatkan kesan positif yang tinggi, iaitu peningkatan minat pelajar terhadap subjek bahasa Arab. Namun pengkaji berkeyakinan tinggi bahawa program *jaulah* bahasa Arab dapat membantu pelajar menyelesaikan banyak masalah pembelajaran bahasa Arab jika aktiviti-aktiviti dalam program ini dirancang dengan baik dan masa pelaksanaan juga dipanjangkan.

9.0 PENUTUP

Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada penyelesaian permasalahan yang timbul dalam P&P bahasa Arab, sama ada yang dihadapi oleh para pensyarah ataupun pelajar. Kejayaan program *Jaulah Al-Arabiyyah Ilā Hadīqah Alfi Zahrin* kali ini dilihat sebagai langkah penting bagi mengatasi masalah dalam pembelajaran bahasa Arab. Harapan kami juga agar pihak UiTM mengiktiraf program pemantapan komunikasi bahasa Arab ini sebagai program yang mesti diikuti oleh pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab, dan meluluskan bajet dan keperluan untuk mengerakkan program ini.

Rujukan

Ab.Halim Mohamad & Che Radiah Mezah. (2005). *Ketepatan terjemahan struktur ayat Arab ke dalam bahasa Melayu: Satu kajian kes*. Kertas kerja Seminar Antarabangsa MICOLLAC, anjuran Jabatan Bahasa Inggeris, FBMK, UPM 23-25 April 2005 di Holiday Villa, Subang Jaya.

Asmah Haji Omar. (1989). *Pengajaran Bahasa Untuk Kemahiran Berkomunikasi: Pendekatan Wacana*. Dlm. Asmah Haji Omar (Eds.). *Kaedah pengajaran bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Atsuta, H. (2003). Improving the motivation of unsuccessful learners in the Japanese high school EFL Context. ERIC Document Reproduction Service No. ED 476 750.

Bailey, K. M. (2005). *Speaking*. New York: McGraw-Hill.

Chomsky, Noam. (1965). *Aspects of The Theory of Syntax*. The Hague: The M.I.T. Press.

Ta'imah, Rusydi Ahmad. (2001). *Manahij ta'lim al-lughah al-'Arabiyyah bi-al-ta'lim al-Asasi*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi

Wan Azura Bt Wan Ahmad. 2007. *Peranan aktiviti ko-kurikulum tambahan berkaitan bahasa arab di USIM dalam meningkatkan penguasaan bahasa pelajar*. Diperoleh 24 April 2012 daripada <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/4452?show=full>.

Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, Arnida A. Bakar & Ahmad Pangidoan Nasution Mandily (2007). *Pendekatan dan strategi efektif dalam penguasaan bahasa Arab*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.